

PERKEMBANGAN BIDANG PERANCANGAN KEWANGAN DI MALAYSIA

Mohd. Amim Othman¹
Ab. Mumin Ab. Ghani²

¹Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM

²Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, UM

Pengenalan

Secara umumnya, perkembangan pesat sistem kewangan dunia mempengaruhi corak kehidupan dan kualiti hidup manusia. Peningkatan tahap kualiti hidup isi rumah bermaksud purata aliran tunai dan perbelanjaan kewangan dalam perbelanjaan isi rumah turut meningkat. Hal ini bersesuaian dengan pelan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020 untuk meningkatkan lagi ekonomi rakyat dengan memastikan ekonomi 'modal' (*capital economy*) negara terus berkembang dan mengurangkan kos sara hidup, meningkatkan pendapatan isi rumah, menyediakan peluang pendidikan dan pekerjaan, keusahawanan serta jaringan keselamatan sosial.

Kehidupan moden mengubah gaya hidup individu, peluang mereka mendapatkan barangan dan perkhidmatan di pasaran, serta pelbagai jenis perbelanjaan keluarga. Tanggungjawab ketua isi rumah dalam sesebuah keluarga pula bukan hanya tertakluk pada membesarkan anak-anak tetapi turut merangkumi aspek pengurusan sumber yang terdapat di persekitaran. Mengurus sesebuah keluarga dan memenuhi keperluan kewangan isi rumah di bandar lebih mencabar berbanding dengan kehidupan di luar bandar. Hal ini menuntut keprihatinan individu dalam keluarga untuk merancang sumber kewangan secara berhemah.

Arus pemodenan yang sentiasa berubah menuntut individu agar bijak menilai pelbagai jenis produk kewangan yang ditawarkan di pasaran. Oleh itu, bidang kewangan peribadi (*personal finance*) yang turut dikenali sebagai perancangan kewangan peribadi (*personal financial planning*) menjadi subjek penting kepada individu, dan semakin mendapat perhatian dalam perbincangan ilmiah dalam kalangan ahli akademik, malah menjadi topik hangat masyarakat kini. Bahkan, bidang ini turut mendapat liputan meluas dalam penulisan buku ilmiah, artikel dalam penerbitan popular dan juga jurnal akademik.

Pelbagai definisi diberikan oleh penyelidik dalam membincangkan maksud perancangan kewangan. Menurut Horald dan David (1988) perancangan kewangan ialah satu proses yang berterusan dalam membentuk, melaksana dan mengemas kini matlamat kewangan, dan mengenal pasti kedudukan semasa kewangan seseorang dan ke mana yang hendak dituju. Manakala David dan Glenn (1972) pula berpendapat bahawa terdapat empat aspek utama dalam pengurusan kewangan tidak kira yang bersifat peribadi, korporat mahupun awam, iaitu, pertama mesti berasaskan pelan perancangan kewangan yang baik, mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyokong pelan perancangan, mengawal perbelanjaan dan mesti menyelesaikan sesuatu masalah.

Perancangan kewangan juga membentuk pembangunan dan pelaksanaan pelan kewangan yang baik bagi mencapai objektif kewangan. Menurut Deacon dan Firebaugh (1988), perancangan dan pelaksanaan ialah komponen utama truput yang menentukan kejayaan sesuatu proses pengurusan sumber, perancangan kewangan atau pengurusan kewangan. Oleh itu, kepentingan perancangan jelas dapat dilihat daripada perbincangan di atas dalam konteks hala tuju, pelaksanaan, kawalan dan pencapaian matlamat, khususnya untuk mencipta kejayaan dalam aspek pengurusan kewangan.

Evolusi Perancangan Kewangan

Tidak terdapat rekod berkaitan tarikh yang tepat tentang permulaan perbincangan bidang perancangan kewangan. Namun, maklumat pertama yang dapat direkodkan ialah mengenai kajian berkaitan perancangan kewangan keluarga oleh David dan Davies (1795) apabila beliau memeriksa akaun enam keluarga di sebuah daerah di Berkshire, England. Berdasarkan pemeriksaan akaun tersebut, beliau mendapati terdapat kesukaran dalam kalangan enam keluarga tersebut untuk memenuhi keperluan kewangan harian mereka. Daripada rekod kewangan enam keluarga tersebut, beliau meneruskan kajian ke atas rekod kewangan 129 keluarga lagi, dan daripada hasil kajian tersebut, beliau mengusulkan satu akta berkaitan undang-undang gaji minimum untuk diperkenalkan di England.

Pierre Guilliame Fredrick Le Play (1878) pula direkodkan sebagai pengkaji pertama yang menjalankan kajian berkaitan pendapatan dan perbelanjaan. Menurut beliau, pengetahuan berkaitan status kewangan sesebuah keluarga dapat diperolehi daripada kajian hubungan antara pendapatan dengan perbelanjaan sesebuah keluarga. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan belanjawan, perbelanjaan dan tingkah laku isi rumah, beliau sanggup tinggal bersama-sama responden kajian beliau semata-mata untuk mendapatkan maklumat. Pemerhatian beliau diterbitkan dalam siri monograf bertajuk "*Les Ouvries Europeens*" tahun 1878.

Sejarah perancangan kewangan bermula lebih 200 tahun dahulu apabila ahli ekonomi berusaha untuk memahami secara mendalam berkaitan pengurusan harian rumah tangga, keluarga dan sains pengguna. Usaha awal berkaitan kajian persekitaran ekonomi keluarga dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Eden, Ducpetiaux, La Play dan para pengkaji pada akhir abad ke-19. Namun, kajian yang dijalankan mendapati terdapat kekurangan dari aspek kaedah dan teknik penyelidikan serta bahan ilmiah yang sukar didapati pada ketika itu. Walau bagaimanapun, usaha mereka yang sangat berdedikasi sepatutnya diberi pujian, khususnya dalam mencari kaedah bagi meningkatkan tahap ekonomi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka juga sebenarnya telah membuka ruang awal kepada minat masyarakat untuk mengkaji tingkah laku kewangan pengguna.

Menurut Margaret dan Gorodon (1993), minat masyarakat terhadap aspek berkaitan kualiti dan corak ekonomi keluarga mula berkembang di Amerika Syarikat apabila satu siri akta yang dinamakan Akta Morrill diluluskan pada tahun 1862 dan 1890. Tujuan utama akta tersebut digubal adalah untuk memberi peluang pendidikan kepada masyarakat awam sebagaimana peluang pendidikan yang mudah diperolehi oleh golongan elit ketika itu. Pada tahun 1887, Akta Hatch pula diluluskan untuk menyediakan dana dan memperkasakan setiap pusat pertanian dalam menjalankan aktiviti berkaitan pendidikan. Akta Hatch 1887 banyak tertumpu pada memberi pendedahan terhadap isu-isu berkaitan makanan, nutrisi dan tekstil, namun tidak banyak memberi ruang dan pembiayaan pada pendidikan berkaitan ekonomi keluarga. Namun, pengenalan Akta Hatch 1887 telah membuka peluang untuk pengenalan pelbagai subjek pendidikan yang lain pada masa hadapan, antaranya pendidikan berkaitan ekonomi rumah tangga yang diperkenalkan pada awal abad kurun ke-20.

Menurut Benjamin Richard (1935), dalam bidang ekonomi keluarga, pada awalnya kecenderungan kajian ilmiah tertumpu pada topik yang berkaitan pengenalan ekonomi keluarga, masalah berkaitan ekonomi keluarga, ekonomi pengeluaran ekonomi persekitaran dan penggunaan pendapatan. Dekad 1970-an membuka perbincangan terhadap modal insan dan konsep asas berkaitan ekonomi keluarga. Perbincangan berkaitan konsep asas ekonomi keluarga penting ke arah mengenal pasti dan menilai kajian ilmiah berkaitan isi rumah dalam sistem ekonomi. Lima asas utama ekonomi keluarga pada masa itu ialah unit keluarga, peruntukan sumber, pendapatan, kekayaan dan kebajikan.

Kajian berkaitan ekonomi keluarga adalah lanjutan daripada teori mikroekonomi. Bermula pada tahun 1950-an itu sendiri, ahli ekonomi bermula dengan menganalisis dan mengkaji keluarga sebagai unit ekonomi dalam rangka kerja aktiviti ekonomi yang lebih besar. Menurut Deborah

(1999) isi rumah tidak hanya ditentukan oleh darah, perkahwinan mahupun pengangkatan, bahkan merangkumi orang yang bertugas dalam memperuntukan sumber yang terhad untuk memaksimumkan kebajikan ahli-ahlinya. Isi rumah juga bermaksud orang yang tinggal di bawah bumbung yang sama dan mengerakkan sesebuah keluarga. Ekonomi keluarga atau ekonomi isi rumah melihat cara keluarga memperuntukan sumber untuk memaksimumkan kebajikan ahli-ahlinya. Matlamat utama bidang ekonomi keluarga adalah untuk mencipta teori dan dasar awam bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Menurut Schultz (1972), pemenang hadiah Nobel dan juga pengarang sebuah buku terkenal dalam bidang ekonomi keluarga, ekonomi keluarga telah berkembang pesat dalam arus perdana bidang ekonomi dan dimulakan oleh Gary Becker, Yakub dan Mincer. Gary Becker yang juga merupakan pakar dalam Ekonomi Amerika telah menulis sebuah buku yang berjudul *Ekonomi Isi rumah Terbaru* dan beliau telah menggunakan teori ekonomi bagi soalan-soalan yang penting di dalam rumah dan tingkah laku keluarga. Contohnya, soalan berkaitan perkahwinan, seperti berusaha mendapatkan zuriat dan sikap pemurah isi rumah dalam keluarga.

Walau bagaimanapun, jika kita lihat kembali evolusi disiplin ini, ahli ekonomi awal kebanyakannya berminat terhadap keupayaan individu dalam menyumbang kepada pengeluaran sosial, yang diterjemahkan sebagai kemampuan menyediakan jumlah buruh dalam pasaran buruh. Aktiviti pengeluaran di dalam rumah itu bukan satu isu yang utama ketika itu. Theodore Schultz ialah perintis awal dalam bidang ini yang memutuskan bahawa ekonomi rumahtangga ialah tajuk pilihan untuk disiplin ilmu dan menjadi satu bahagian yang berbeza daripada disiplin ekonomi umum. Pada tahun 1905, mata pelajaran yang sebenar diajar dalam ekonomi rumah lebih tertumpu pada kerja-kerja rumah seperti memasak, menjahit atau amalan kebersihan dan bukan ekonomi. Pada 1910, apabila Persatuan Ekonomi Rumahtangga Amerika (*AHEA*) ditubuhkan, bidang utama ekonomi rumahtangga berpusat sekitar makanan, kesihatan dan tugas rumah tangga. Selepas itu, Gwendolyn Stewart mencadangkan kursus pada peringkat kolej yang dikenali sebagai kursus Ekonomi Keluarga. Kursus ini akan mengkaji disiplin ekonomi keluarga dan bukannya aktiviti-aktiviti utama.

Pada permulaannya, bidang perancangan kewangan menjadi aliran yang kurang mendapat perhatian ahli akademik daripada jurusan ekonomi dan perniagaan kerana tumpuan utama lazimnya membincangkan aspek utama ekonomi berkaitan sistem ekonomi dan kewangan negara. Perubahan berlaku apabila ahli ekonomi dan pengurusan mula memberi tumpuan pada bidang tersebut dengan pemberian nama baharu, iaitu kewangan isi rumah (*household finance*) dan menggalakkannya dimasukkan dalam subjek

kewangan pada peringkat kolej. Malah, bidang ini juga pada mula tidak mendapat sokongan akademik, khususnya pengiktirafan melalui mana-mana jurnal akademik yang terkenal kerana berada antara dua fakulti pengajian utama, iaitu pengurusan dan sains sosial. Hal ini disebabkan pada peringkat awal tiadanya definisi dan struktur ilmu yang mantap.

Bidang kewangan peribadi mula mendapat tempat dalam perbincangan ilmiah dalam kalangan pengkaji bidang kewangan pengguna lewat tahun 1980-an. Kumpulan pengkaji yang mempunyai minat mendalam dalam bidang tersebut antaranya ialah pengkaji daripada bidang ekonomi keluarga, ekonomi pengguna, pendidikan pengguna dan pengurusan sumber isi rumah. Beberapa perubahan yang berlaku pada akhir dekad 1980-an dan awal 1990-an telah mengubah landskap akademik apabila *Association of Financial Counseling and Planning Education (AFCPE)* telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1980-an. Melalui inisiatif *AFCPE*, *International Journal of Financial Counseling and Planning* telah diwujudkan dan seterusnya menyediakan satu medan baharu kepada penyelidik dan pengkaji yang berminat dalam hal berkaitan kewangan personal untuk menjana ilmu, menyiarkan maklumat, mendidik profesional dan menyediakan program berkaitan pendidikan kewangan. Penubuhan *AFCPE* juga telah merangsang penubuhan beberapa organisasi lain, seperti *CFP Board* untuk menghasilkan jurnal akademik yang memfokuskan perbincangan pada kewangan personal.

Selain itu, penubuhan *ACFPE* dan *International Journal of Financial Counseling and Planning* bertujuan membuka ruang yang lebih luas kepada ahli akademik dalam bidang ekonomi dan kewangan membahaskan isu-isu berkaitan pengurusan diri dan sumber kewangan isi rumah dalam keluarga berbanding dengan isu-isu pengguna atau masalah ekonomi yang lebih luas. Malah, membuka ruang baharu kepada penyelidik dalam bidang kewangan personal untuk menerbitkan jurnal ilmiah mereka selain penerbitan dalam jurnal ekonomi dan kewangan kerana fokus dan tumpuan yang berbeza-beza.

Kewangan personal berasal daripada cabang kajian sains pengguna (*consumer science*) meliputi bidang ekonomi keluarga (*family economics*), ekonomi pengguna (*consumer economics*) dan ekonomi kepenggunaan (*consumption economics*). Setelah cabang sains pengguna diberi satu proses pendefinisian khusus untuk memantapkan bidang tersebut, yang meliputi tiga bidang yang dinyatakan dan diterbitkan dalam *Home Economics Research Assessment Planning Projections Report* yang turut dikenali sebagai “*The HERAPP Report*”, maka lanjutan daripada proses tersebut, bidang sains pengguna terus mendapat minat pengkaji dan penyelidik di serata dunia.

Walaupun kewangan personal hanya mendapat pengiktirafan sebagai cabang akademik dan berkembang pesat selepas penubuhan *AFCPE*, namun wacana

penulisan berkaitan kewangan personal sebenarnya telah pun bermula seawal tahun 1911, 1935 dan 1954. Menurut Liston (1911), seorang sarjana bernama Kinley telah mencadangkan tentang idea ekonomi awam patut menjadi kursus asas kepada kaum wanita; dan Andrew (1935) pula menegaskan bahawa amalan berkaitan kewangan personal seperti menyimpan rekod kewangan perlu menjadi satu tabiat isi rumah. Penegasan yang sama turut diulas oleh Hanson dan Cohen (1954) dalam antara buku teks terawal yang diterbitkan berkaitan pengurusan kewangan personal. Penulisan berkaitan kewangan personal menjadi semakin rancak apabila Persatuan Antarabangsa Perancang Kewangan (*IAFP*) dan Kolej Perancangan Kewangan ditubuhkan dalam tahun 1969. Antara penulis awalnya ialah Helen dan Melinda, David dan Glenn, Richard, Edward dan Benjamin, dan Fannie. Fokus utama para penulis ini ialah aspek kewangan personal, pengurusan wang dan kesannya ke atas pengguna. Ketika ini, pendidikan berkaitan kewangan personal sudah menjadi salah satu bidang pengajian utama bagi universiti di Amerika Syarikat. Malah, turut diikuti di universiti di seluruh dunia, termasuk di Malaysia.

Bidang kewangan peribadi kurang menarik minat penyelidik daripada kalangan ahli akademik dalam kewangan korporat kerana tumpuan mereka adalah dalam isu yang lebih besar, seperti pasaran kewangan dan pembangunan prinsip kewangan korporat. Hal ini turut disumbangkan oleh ketiadaan program akademik yang ditawarkan di universiti awam Amerika Syarikat. Pembangunan bidang perancangan kewangan sebagai cabang ilmu pengetahuan dan kemahiran bermula akibat perubahan dalam aspek sosioekonomi masyarakat. Antara aspek perubahan yang mempengaruhi corak kehidupan individu berkaitan kewangan ialah:

- (a) Perubahan dalam konteks sosial dan ekonomi: tema perubahan merangkumi aspek perubahan dalam masyarakat, putaran ekonomi dunia yang tidak menentu serta kepelbagaian tawaran produk dan perkhidmatan kewangan (*financial engineering*).
- (b) Hubungan individu dan isi rumah: hubungan antara individu dalam keluarga mempengaruhi corak perbelanjaan dan penggunaan sumber isi rumah.
- (c) Kitaran hidup keluarga: aspek kewangan individu bermula sejak dia dilahirkan sehingga saat kematian dan kewujudan perancangan kewangan.

Bidang Utama Kewangan Personal

Kewangan personal atau peribadi telah dijadikan asas bagi beberapa gerakan pengguna (*consumer movement*) mempromosikan bidang kewangan berkaitan individu, pengguna dan keluarga. Perkataan peribadi dan personal

banyak digunakan untuk menerangkan maksud individu atau orang perseorangan dalam membincangkan tentang keterlibatan mereka dalam aktiviti kewangan. Perkataan “personal” juga digunakan untuk membezakan bidang kewangan personal (*personal finance*) dengan kewangan korporat (*corporate finance*). Namun dalam kajian ini, perkataan personal digunakan kerana perkataan tersebut banyak digunakan dalam penulisan ilmiah dan jurnal utama dunia.

Bidang kewangan personal diwujudkan untuk membina masyarakat pengguna bermaklumat dalam membantu pengguna membuat pilihan, menyusun dan mengurus kewangan mereka dengan bijak. Kewangan personal juga merupakan satu bentuk kemahiran yang perlu difahami dan dipraktikkan oleh setiap pengguna agar keperluan kewangan mereka sesuai dengan produk yang ditawarkan. Selain kewangan personal, perkataan perancangan kewangan turut dikaitkan dengan kewangan personal dan mula digunakan apabila terdapat rungutan dalam kalangan penyediaan perkhidmatan kewangan di Amerika Syarikat berkaitan sistem komisen (*commission*) dalam penawaran perkhidmatan kewangan.

Sebagai contoh, agen penyediaan perkhidmatan unit amanah hanya memperoleh komisen apabila menjual produk kewangan tersebut. Begitu juga dengan agen perkhidmatan insurans yang kecewa dengan komisen yang diterima daripada penawaran rangkaian perkhidmatan produk perlindungan insurans yang pada ketika itu amat terhad. Selain itu, terdapat rungutan daripada pengguna yang tidak berpuas hati tentang khidmat nasihat dan prestasi penyedia perkhidmatan. Oleh itu, timbul satu keperluan untuk mewujudkan satu kaedah yang tepat untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna, dan dengan usaha yang dijalankan oleh Persatuan Perancang Kewangan Antarabangsa (*IAFP*) maka takrifan perancangan kewangan mula digunakan untuk mengaitkan dengan aktiviti kewangan personal.

Perkembangan bidang kewangan personal selaras dengan kewujudan pelbagai bidang pekerjaan, perubahan gaya hidup dan peranan wang dalam kehidupan manusia. Pada akhir abad ke-20, lebih daripada 75 peratus penduduk Amerika Syarikat tinggal di bandar besar dan lebih 62% bekerja dalam sektor perkhidmatan. Perolehan sumber wang hasil daripada pekerjaan telah memudahkan capaian kepada produk dan perkhidmatan dalam pasaran. Pembelian barangan pada awalnya berteraskan sumber tunai dan kemudian beransur-ansur beralih kepada sumber hutang.

Sistem kewangan moden amat memerlukan sokongan daripada pembiayaan sumber kredit untuk menjana permintaan terhadap tawaran pelbagai produk barang dan perkhidmatan yang terdapat dalam pasaran. Bagi ekonomi

berskala besar seperti di Amerika Syarikat, sokongan sumber kredit menjana pendapatan kepada pengeluar barang dan perkhidmatan. Pengeluaran besar-besaran barangan pengguna telah menurunkan harga barangan yang mahal dan sebelumnya hanya mampu dimiliki oleh golongan kaya sahaja. Di samping itu, penularan pembiayaan pengguna melalui penciptaan pelbagai produk kewangan (*financial engineering*) bersumberkan kredit telah secara meluas membantu perolehan barangan oleh golongan pekerja dan masyarakat pertengahan.

Pembiayaan kewangan telah melonjakkan permintaan barangan di pasaran. Namun, setiap pembiayaan disertai kos kewangan yang perlu ditanggung oleh pengguna. Akibat kitaran ekonomi yang tidak menentu dan kesan kemelesetan ekonomi, banyak pengguna kehilangan pekerjaan serta menghadapi masalah membayar balik hutang bagi produk barangan yang telah diperolehi. Maka jumlah yang gagal membayar pinjaman (*loan defaulter*) meningkat selari dengan masalah ekonomi yang dihadapi.

Perbincangan aspek berkaitan perancangan kewangan melibatkan dua peringkat atau proses yang bermula dengan aktiviti peringkat prakewangan, yang melibatkan bidang pendidikan kewangan (*financial education*) dan pembinaan kekayaan (*accumulation of wealth*). Peringkat kedua melibatkan bidang kaunseling kredit dan pelan pengurusan hutang, dan akhir sekali melibatkan pengurusan kewangan hari tua.

Bidang pendidikan kewangan dan pengurusan kekayaan, bidang perancangan kewangan, kaunseling kewangan dan penasihat kewangan merupakan penggerak utama yang mencadangkan kepentingan kedua-dua aspek tersebut. Bidang kaunseling kredit dan pelan pengurusan hutang dalam peringkat kedua pula meliputi usaha menolong dan melindungi pengguna daripada proses pemuflihan dan penyusunan semula hutang. Akhir sekali, bidang gerontologi kewangan yang menyediakan ruang penyelidikan dan pendidikan kewangan bagi membantu warga emas menjalani tempoh persaraan dengan sempurna dan mampu memenuhi keperluan kewangan bagi tempoh tersebut.

Perancangan Kewangan

Perancangan kewangan menjadi salah satu bidang dalam menyemarakkan minat masyarakat terhadap aspek yang berkaitan kewangan personal. Bidang ini juga sinonim dengan usaha menghubungkan pengguna dan perancang kewangan bertauliah. Pada suku dekad terakhir abad ke-21, pergerakan perancangan kewangan berjaya meningkatkan rangkaian penawaran produk dan perkhidmatan kewangan bernilai berbilion-bilion dolar di seluruh dunia.

Selaras dengan perkembangan tersebut, pada tahun 2001 kerjaya sebagai perancang kewangan (*financial planner*) yang dikaitkan dengan perancangan kewangan telah diiktiraf sebagai kerjaya nombor satu di Amerika Syarikat. Perkembangan pesat pelbagai produk kewangan telah mengubah corak hubungan tradisi pengguna dengan institusi kewangan, oleh itu pengguna perlu bijak memilih produk yang sesuai dengan keperluan mereka. Tanpa maklumat yang mencukupi dan nasihat perancang kewangan, pengguna mungkin memilih produk yang tidak sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka.

Secara umum, terdapat banyak organisasi yang mempromosikan bidang perancangan kewangan, namun hanya empat organisasi yang dilihat bersungguh-sungguh dan berstruktur dalam mendahului usaha tersebut iaitu:

- i. Persatuan Perancang Kewangan (*Financial Planning Association/FPA*)
- ii. Persatuan Kebangsaan Penasihat Kewangan personal (*National Association of Personal Financial Advisors/NAPFA*)
- iii. Tabung Endowmen Kebangsaan bagi Pendidikan Kewangan (*National Endowment for Financial Education/NEFE*)
- iv. Gabungan Perancangan Kewangan (*Financial Planning Coalition*)

Persatuan Perancang Kewangan

Menurut Denby dan Oliver (2009), *FPA* ialah sebuah pertubuhan di Amerika Syarikat yang konsisten dalam memperjuangkan bidang perancangan kewangan. Penubuhan satu pertubuhan berkaitan perancangan kewangan tidak pernah dibincangkan sebelumnya sehinggalah pada hari Sabtu, 12 Disember 1969, apabila Loren Dunton bersama-sama 12 individu yang lain telah menubuhkan Persatuan Etika Kaunseling Kewangan (*Society for Financial Counselling Ethics*) pada pertemuan di O'Hare Inn, berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa O'Hare di Chicago, Illinois. Tujuan penubuhan persatuan tersebut adalah untuk mengerakkan usaha mengembang dan merangsang kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perancangan kewangan ke seluruh dunia, selain memperkenalkan satu kerjaya yang penting dalam bidang penasihat dan perundingan yang disebut “perancang kewangan”.

Hasil perjumpaan tersebut, *IAFP* secara rasmi telah ditubuhkan pada tahun 1970 dan sebuah Kolej Perancangan Kewangan telah diwujudkan bagi mendidik profesional dalam bidang teori dan praktis berkaitan perancangan kewangan. Melalui *IAFP*, persatuan telah menubuhkan satu cabang penerbitan majalah yang dikenali sebagai *Majalah Perancang Kewangan*.

Melalui penerbitan majalah ini, idea, misi dan visi persatuan dapat diperjelaskan kepada masyarakat umum.

Pada tahun 1973, sebanyak 42 graduan pertama Kolej Perancangan Kewangan berjaya menamatkan pengajian mereka dan seterusnya pada 13 Oktober 1973, 35 ahli daripada 42 graduan kumpulan pertama tersebut telah bersetuju untuk penubuhan sebuah institut yang dinamakan Institut Perancang Kewangan Bertauliah (*Institute of Certified Financial Planners/ICFP*). Namun, pada tahun 2000, *IAFP* dan *ICFP* telah bergabung dan membentuk Persatuan Perancang Kewangan (*FPA*).

Pada tahun 1980, telah berlaku satu kes mahkamah yang melibatkan Kolej Perancangan Kewangan dan Universiti Adelphi kerana tindakan pihak universiti menyalahgunakan logo *CFP* dan *Certified Financial Planner*. Pada September tahun 1984, hasil prosiding perundangan, sebuah lembaga yang dinamakan Lembaga Standard Antarabangsa Perancang Kewangan Bertauliah (*International Board of Standards for Certified Financial Planners, Inc./IBCFP*) telah ditubuhkan oleh Kolej Perancangan Kewangan dan Institut Perancang Kewangan Bertauliah (*ICFP*) sebagai sebuah badan bebas dan bersifat organisasi tanpa untung untuk mengawal selia pelaksanaan perancangan kewangan di Amerika Syarikat.

Pada 17 Julai 1985, secara rasmi pihak Kolej Perancangan Kewangan telah menyerahkan hak penggunaan cap *CFP* dan *Certified Financial Planner* kepada *IBCFP*. Bermula pada Jun tahun 1986, *IBCFP* telah memperoleh hak ke atas *CFP*[®] dan *CERTIFIED FINANCIAL PLANNERS*[™] daripada pihak kolej beserta tanggungjawab menilai dan mengeluarkan pensijilan kepada calon *CFP* yang bergraduasi. Pada tahun 1987, *Code of Ethics and Standard of Practice* dan *Disiplinary Rules and Procedures* telah diguna pakai secara rasmi oleh pendaftar penyedia pendidikan (*education provider*) di seluruh Amerika Syarikat, disusuli oleh prasyarat pendidikan lanjutan pada tahun 1988 dan penghapusan syarat pengalaman dan prosedur persijilan pada tahun 1989.

Pada tahun 1991, *CFP* Board telah memperkenalkan peperiksaan komprehensif untuk menguji kesepaduan ilmu dan kemahiran mengaplikasi pengetahuan yang diperolehi oleh calon yang mengikuti program persijilan *CFP*. Pada tahun 1993, kod baharu berkaitan Etika dan Tanggungjawab Profesional telah diperkenalkan untuk menggantikan Kod *IBCFP* yang lama.

Pada tahun 1990, *The International CFP Council* telah ditubuhkan untuk menggalakkan dan mempromosikan bidang perancang kewangan ke seluruh dunia. Di samping itu, bagi mengukuhkan tanda *CFP*[®], *Financial Planning Standard Board* ditubuhkan pada tahun 2004. Pada tahun 2010, di Amerika

Syarikat sahaja terdapat hampir 63,000 individu yang memegang tanda *CFP*[®].

Perkembangan pesat di Amerika Syarikat memberi idea bagi penubuhan Persatuan Pelaburan dan Penasihat Kewangan Australia (*Australian Society for Investment and Financial Advisors/ASIFA*) pada awal tahun 1980-an. Pada tahun 1984, Gwen Fletcher ialah individu yang bertanggungjawab membawa dan menubuhkan *IAFP* di Australia. Pada tahun 1992, *ASIFA* dan *IAFP* telah bergabung dan membentuk Persatuan Perancangan Kewangan Australia (*Australian Financial Planning Association/FPA*). Pada tahun 1991, Jepun menjadi negara kedua yang mengembangkan *CFP* apabila beberapa individu telah menubuhkan Persatuan Perancangan Kewangan Jepun (*Japanese Association for Financial Planners/JAFP*). Selepas itu, Lembaga Standard Perancang Kewangan Bertauliah (*Certified Financial Planner Board of Standards/CFPBS*) diamanahkan untuk mengawal selia penubuhan *IAFP* di seluruh dunia. Menurut laporan oleh *Certified Financial Planner Board of Standards* yang berpusat di Denver, setakat tahun 2010, terdapat lebih daripada 123,000 pemegang sijil bertauliah *CFP* di seluruh dunia, termasuk 63,000 di Amerika Syarikat sahaja.

Sejarah Perkembangan Perancangan Kewangan di Malaysia

Perkembangan bidang perancangan kewangan di Malaysia bermula pada Disember tahun 1999, apabila sekumpulan profesional daripada industri saham amanah, insurans hayat, broker saham, undang-undang dan pengurusan aset menganjurkan satu pameran kewangan dan seminar antarabangsa perancangan kewangan di Kuala Lumpur. Hasil daripada seminar tersebut, sebuah persatuan yang diberi nama Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (*Financial Planning Association of Malaysia/FPAM*) telah ditubuhkan pada 19 Disember 1999. Sebelum perancangan kewangan sampai ke Malaysia, tiada satu pun program pensijilan dan perundangan khusus untuk mengawal selia kegiatan penasihat kewangan di Malaysia. Ketika itu, pendidikan kewangan hanya ditawarkan di pusat pengajian tinggi, namun tidak menjadi sesuatu yang diperkatakan oleh orang.

Bermula pada Disember tahun 1999, *FPAM* bersama-sama sekumpulan individu yang telah membawa masuk pensijilan *CFP* daripada pihak *Financial Planning Standard Board (FPBS)* cuba mempromosikan pendidikan kewangan kepada rakyat Malaysia. Kesannya, minat rakyat terhadap bidang perancangan kewangan semakin meningkat. Hal ini bertambah meriah apabila pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti mengiktiraf program pensijilan yang ditawarkan. Pada tahun 2004, Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan pekeliling berkaitan garis

panduan permohonan bagi pelesenan penasihat kewangan (*financial advisor's license*) dan diikuti oleh BNM pada tahun berikutnya.

Menurut Suruhanjaya Sekuriti (2004), pergerakan aktiviti berkaitan perancangan kewangan bermula sejak awal lagi sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Aktiviti awal perancangan kewangan yang melibatkan aktiviti pelaburan bermula sejak tahun 1870-an apabila para pelabur yang terlibat dalam aktiviti berkaitan pelaburan sekuriti syarikat turut terlibat dalam perdagangan komoditi seperti getah dan perlombongan. Sekuriti syarikat bertukar tangan dalam kalangan pedagang di tempat pertemuan popular seperti di kelab, rumah kedai dan kedai kopi. Saham syarikat terkenal seperti Guthrie, Malakoff, Sime Darby dan Inch Kenneth adalah antara syarikat yang terlibat dalam perdagangan komoditi di Tanah Melayu pada waktu itu dan turut tersenarai di pasaran saham London. Kegiatan pelaburan dan kewujudan syarikat tersebut turut dipengaruhi oleh penglibatan British dalam aktiviti ekonomi perlombongan dan perladangan di Persekutuan Tanah Melayu.

Kegiatan pelaburan dan pengukuhan pasaran saham di Persekutuan Tanah Melayu selari dengan penubuhan Persatuan Pembrokeran Saham Singapura (*Singapore Stockbrokers' Association*) pada 23 Jun 1930 dan didaftarkan semula pada tahun 1939 sebagai Persatuan Pembrokeran Saham Malaya. Bagi mengumpul dan menjana dana pelaburan yang besar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (*Employee Provident Fund/KWSP*) diwujudkan di bawah *EPF Ordinance 1951*, dan kemudiannya dipinda berdasarkan Akta KWSP 1991. KWSP ialah sebuah agensi peringkat nasional pertama di Malaysia dan di dunia yang menjalankan aktiviti mengumpul dana melalui potongan wajib caruman bulanan bagi kegunaan masa depan pekerja. Berada di bawah kawalan Kementerian Kewangan Malaysia, KWSP ditubuhkan dengan objektif untuk menyediakan tabungan yang mencukupi bagi kegunaan pekerja ketika saat persaraan. Penubuhan KWSP secara tidak langsung menerapkan sifat menabung dalam kalangan pekerja dan simpanan yang bersifat mandatori ini membantu mewujudkan satu kumpulan dana yang besar bagi merencanakan perjalanan pasaran sekuriti dan perniagaan di Persekutuan Tanah Melayu pada waktu itu.

Walaupun pada waktu itu, aktiviti berkaitan pasaran saham dan perniagaan berkembang pesat, namun belum wujud sebuah bank pusat yang mengawal kegiatan sistem perbankan dan kewangan. Beberapa bank perdagangan telah wujud pada waktu itu. Berdasarkan cadangan oleh ahli panel *International Bank for Reconstruction and Development* yang melawat Malaya pada tahun 1954, G.M. Watson dari *Bank of England* dan Sir Sydney Caine, Naib Canselor Universiti Malaya pada ketika itu telah diminta oleh kerajaan Persekutuan Malaya dan Koloni Singapura untuk menubuhkan sebuah bank pusat di Malaya. Laporan Watson-Caine diterbitkan pada tahun 1956, namun

penubuhan sebuah bank pusat tidak dilaksanakan sehinggalah pada 26 Januari 1959. Pada tahun 1958, Akta Bank Negara Malaysia 1958 (*CBA* 1958) diluluskan dan pada tahun 2009, *CBA* 1958 telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang mula berkuatkuasa pada 25 November 2009. Ia adalah sebuah badan berkanun yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dengan modal berbayar secara beransur-ansur meningkat, kini pada RM100 juta. Setiap tahun, BNM akan melaporkan aktiviti kepada Menteri Kewangan Malaysia tentang perkara yang berkaitan dengan dasar sektor monetari dan kewangan.

Bank Negara Malaysia (BNM)

Penubuhan sebuah bank pusat sebenarnya memberi makna penting kepada perjalanan sistem kewangan sesebuah negara. Kewujudan sebuah bank pusat akan membenarkan pengurusan wang dan kredit secara lebih tersusun dan meningkatkan pembangunan dan perniagaan warga tempatan. Paling utama, penubuhan bank pusat berperanan menggalakan kecairan pasaran melalui pengenalan instrumen sekuriti kerajaan pada masa hadapan. Penubuhan bank pusat menggalakan sifat menabung dan pembiayaan kredit kepada pengguna. Aktiviti berkaitan simpanan wang dan perlindungan insuran digerakkan melalui objektif yang digariskan oleh penubuhan BNM.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Penubuhan KWSP yang bersifat simpanan untuk hari tua telah meningkatkan simpanan dan dana yang besar kepada pergerakan pasaran saham di Malaysia. Berbeza dengan objektif KWSP yang hanya menyediakan sumber kewangan bagi menghadapi saat persaraan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Kementerian Sumber Manusia (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Buruh) untuk melaksana dan mentadbir Skim-skim Keselamatan Sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Di bawah skim-skim ini, pekerja diberi perlindungan berkaitan bencana pekerjaan, termasuk kemalangan semasa menjalankan pekerjaan, penyakit khidmat, keilangan dan kematian.

Amanah Saham

Pada tahun 1959, selain penubuhan BNM, sistem kewangan dan pasaran saham Malaya dirancakkan dengan penubuhan sebuah syarikat pengurusan dana amanah pertama, iaitu *Malayan Unit Trust Limited*. Syarikat ini menguruskan unit amanah pertama yang dinamakan Amanah Saham Malaya (*Malayan Unit Trust*) pada tahun 1963, dan seterusnya amanah saham

tersebut telah dipindahkan dan diurus oleh Asia Tenggara Development Corporation Berhad. Tidak kekal lama, Singapore Unit Trusts Limited dan Asia Unit Trust Berhad kemudiannya ditubuhkan setelah berpisah dari Asia Tenggara Development Corporation Berhad. Amanah Saham tersebut diuruskan oleh Asia Unit Trust Berhad sehinggalah *MIDF* Amanah Asset Management Berhad mengambil alih pengurusan unit amanah saham tersebut bersama-sama lima lagi unit saham amanah yang lain. Entiti baharu dinamakan *MIDF* Amanah, sebuah cabang pengurusan saham amanah kumpulan *MIDF* Berhad. Syarikat pengurusan saham amanah berdasarkan firma pembrokeran saham pertama diwujudkan oleh TA Enterprise Berhad dan diperbadankan pada 17 April 1995 dan diberi nama TA Unit Trust Management dan memulakan operasi pada 1 Julai 1996.

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Bagi menggalakan aktiviti pelaburan dengan sekala yang lebih besar dalam kalangan kaum bumiputera, MARA telah menubuhkan MARA Unit Trust Limited. Syarikat tersebut memulakan operasi pada 1967 dengan modal modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar RM48 juta. Dana pertama dilancarkan pada tahun 1968.

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Aktiviti pelaburan berkaitan saham amanah di Malaysia, membuka lembaran baharu apabila kerajaan telah mengarahkan penubuhan sebuah entiti nasional yang menguruskan pengurusan saham amanah berkaitan bumiputera yang dinamakan Yayasan Pelaburan Bumiputera. Pada Mac 1978, PNB telah ditubuhkan dan menjadi alat penting Dasar Ekonomi Baharu (DEB) untuk menggalakkan pemilikan saham dalam sektor korporat dalam kalangan bumiputera, dan membuka peluang kepada profesional bumiputera yang sesuai menyertai bidang pengurusan harta.

Sebelum tertubuhnya PNB, usaha untuk menambah pemilikan bumiputera dalam sektor korporat tidak berjaya kerana saham yang diperuntukan kepada individu jarang sekali kekal dipegang oleh individu. Penyelidikan menunjukkan bahawa apabila pemegang unit bumiputera menjual saham mereka, keuntungan yang diperolehi digunakan dan tidak dilaburkan semula. Melalui PNB, banyak saham korporat utama Malaysia yang diperolehi daripada dana yang disediakan kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera dipindahkan ke tabung amanah yang diurus oleh PNB dan dijual semula kepada kaum bumiputera dalam bentuk unit yang lebih kecil.

Dengan menggunakan model pelaburan inovatif ini, PNB Berjaya memastikan bahawa saham-saham peruntukan oleh kerajaan kepada institusi bumiputera dapat dikekalkan. Hal ini juga berjaya menanam tabiat menyimpan secara menyeluruh, pengembangan bidang keusahawanan dan kemahiran pelaburan kepada golongan bumiputera. Dengan pengurusan dana yang berjumlah lebih RM200 bilion (setakat Mac 2012), Kumpulan PNB kini merupakan institusi pelaburan utama negara dengan pelbagai portfolio kepentingan yang meliputi saham amanah, amanah harta institusi, pengurusan harta dan pengurusan aset.

Suruhanjaya Sekuriti

Perkembangan pesat pasaran saham di Malaysia menuntut satu peraturan pengurusan pasaran saham dan ekuiti yang lebih tersusun dan telus. Pada tahun 1993, Suruhanjaya Sekuriti telah ditubuhkan berdasarkan *Securities Commission Act 1993 (SCA)* dengan objektif utama berperanan sebagai badan yang mengawal dan mempromosikan pembangunan pasaran modal di Malaysia. Bagi memastikan sumber kewangan yang stabil untuk perjalanan Suruhanjaya Sekuriti, kerajaan telah mengenakan levi ke atas transaksi jual beli saham di Bursa Malaysia pada kadar 0.03 peratus. Penubuhan Suruhanjaya Sekuriti dan BNM adalah bersifat saling membantu dalam mengawal perjalanan aktiviti kewangan, insuran, saham amanah dan pasaran modal di Malaysia.

Perkembangan perancangan kewangan di Malaysia dipengaruhi oleh aktiviti pergerakan berasaskan industri saham amanah dan insuran. Pergerakan perancangan kewangan berasaskan industri saham amanah menggunakan akreditasi jawatan perancang kewangan yang dikeluarkan oleh Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (*Financial Planning Association of Malaysia/FPAM*). *FPAM* ialah persatuan yang dinaungi oleh *FPA* yang beribu pejabat di Amerika Syarikat. Pemegang jawatan perancang kewangan menggunakan pensijilan yang dikeluarkan atas nama Persijilan Perancang Kewangan (*Certified Financial Planners/CFP*) oleh *FPA* yang diiktiraf di seluruh dunia. Pada tahun 2005, Persijilan *CFP* juga diluluskan sebagai prasyarat bagi permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Capital Markets Services Licence/CMSL*) oleh Suruhanjaya Sekuriti dan prasyarat bagi permohonan Lesen Penasihat Kewangan (*Financial Adviser's Licence/FA*) oleh BNM.

Manakala, industri insurans menggunakan akreditasi jawatan perancang kewangan yang ditauliahkan oleh Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Planning Council/MFPC*). Pemegang jawatan perancang kewangan menggunakan pensijilan yang dikeluarkan atas nama Perancang Kewangan Berdaftar (*Registered Chartered Financial*

Planners/RFP). Program *RFP* ditawarkan oleh *Malaysian Institute of Insurance (MII)* dengan kerjasama *MFPC*. Program itu juga sedikit sebanyak berteraskan program *ChFP* yang dikelolakan oleh Institut Berdaftar Insurance (*Chartered Insurance Institute*) yang berpusat di United Kingdom.

Program Perancang Kewangan Berdaftar (*RFP*) telah dilancarkan oleh Gabenor BNM, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz pada bulan November 2002. Seperti juga *CFP*, jawatan (*designation*) *RFP* telah diluluskan oleh BNM pada bulan Mac 2005 sebagai kelayakan untuk memohon Lesen Penasihat Kewangan (*Financial Adviser's Licence/FA*) oleh BNM di bawah Akta Insurans 1996. Jawatan *RFP* juga telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada bulan November 2005 sebagai salah satu kelayakan untuk memohon Lesen Penasihat Pelaburan di bawah Akta Industri Sekuriti 1983 dan permohonan mendapatkan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*CMSL*) berdasarkan pengenalan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Selain akreditasi yang melibatkan *CFP* dan *RFP*, Perunding Kewangan Bertauliah atau (*Chartered Financial Consultant/ChFC*) oleh Persatuan Perancang Kewangan dan Penasihat Malaysia atau (*Malaysian Financial Planners and Advisors Association/FPA*) turut mendapat pengiktirafan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan BNM.

Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia

Pada 10 Mei 1999, *IAFP* cawangan Malaysia ditubuhkan dengan penyertaan sebanyak 23 orang ahli daripada pelbagai disiplin kewangan. Pada waktu yang sama, Tunku Ya'acob Tunku Abdullah dari *MAA Assurance* telah berhubung dengan Lembaga Standard *CFP* tentang niat mereka untuk menubuhkan cawangan perancangan kewangan di Malaysia. Pada akhir bulan Jun 1999, ahli jawatankuasa penaja yang pertama terdiri daripada Edmond Cheah, Wong Boon Choy, Steve Teoh dan Paul Chan menjemput Tunku Ya'acob untuk mengambil bahagian dalam rundingan untuk membangunkan industri perancangan kewangan di Malaysia.

Pada tahun 1999, wakil Malaysia telah dijemput untuk membentangkan permohonan sebagai *affiliate CFP* yang baharu pada mesyuarat Majlis Antarabangsa *CFP* di Paris pada awal bulan September 1999. Delegasi yang diketuai oleh Tunku Yaacob dan diiringi oleh Wong Boon Choy, James Beltran dan Paul Chan telah membentangkan kes mereka kepada ahli-ahli Majlis *CFP* Antarabangsa dan seterusnya mendapat tawaran untuk membuka *affiliate CFP* baharu di Malaysia. Kejayaan di Paris membuka laluan penubuhan entiti baharu dan *FPAM* telah didaftarkan pada 13 Disember 1999. Selepas itu, usaha menambah ahli baharu bergiat aktif dalam kalangan institusi kewangan untuk menjadi ahli piagam bagi menyokong pembangunan industri perancangan kewangan.

Pada 14–15 Ogos 2000, *FPAM* telah dilancarkan secara rasmi oleh penasihat kepada Menteri Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed sempena perasmian Persidangan Antarabangsa Perancangan Kewangan Tahunan, *IFPAC 2000*. Persidangan tersebut telah berjaya menarik minat peserta lebih daripada 1,000 peserta termasuk 30 peserta pameran yang memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif. Berkuatkuasa pada 5 Januari 2004, perancang kewangan di Malaysia yang berhasrat bergiat aktif dalam aktiviti berkaitan perancangan kewangan dikehendaki oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memohon lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Antara pensijilan awal yang mendapat pengiktirafan oleh Suruhanjaya Sekuriti ialah Perancang Kewangan Bertauliah (*CFP*).

Majlis Perancangan Kewangan Malaysia

Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (*MFPC*). *MFPC* ialah sebuah organisasi perancangan kewangan nasional yang ditubuhkan pada tahun 2004. Penubuhan organisasi ini didesak dan ditaja oleh tiga persatuan utama berkaitan insurans di Malaysia iaitu Persatuan Insurans Hayat Malaysia (*LIAM*), Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat Malaysia dan Penasihat Kewangan (*NAMLIFA*), dan Institut Insurans Malaysia (*MI*).

MFPC ialah badan kawal selia sendiri, yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1996, dengan tujuan utama untuk mempromosikan celik wang dan meningkatkan jumlah pemegang sijil dan profesional dalam perancang kewangan di Malaysia melalui pendidikan dan latihan profesional. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyatukan dan mengukuhkan akauntabiliti dan pematuhan pada undang-undang dan peraturan-peraturan oleh penyedia perancangan kewangan dan pengamal kewangan. Sebahagian daripada strategi *MFPC* adalah untuk memastikan keseragaman standard amalan dalam industri perancangan kewangan di Malaysia.

MFPC menetapkan piawaian teknikal kepada ahli; menetapkan keperluan peperiksaan dan persijilan; mewujudkan satu kod profesional etika dan pematuhan; memajukan pengetahuan ahli-ahlinya melalui sokongan teknikal dan program-program pendidikan berterusan. Di bawah payung *MFPC*, industri insurans hayat telah berjaya mengguna pakai Perancang Kewangan Berdaftar (*RFP*) sebagai kelayakan tanda aras yang sama untuk perancang kewangan dalam industri saham amanah. *RFP* menandakan tiang berkembar profesionalisme dalam kecemerlangan amalan berkaitan perancangan kewangan dan pendidikan profesional.

Persatuan Perancang Kewangan dan Penasihatannya Malaysia

Penubuhan Persatuan Perancang Kewangan dan Penasihatannya Malaysia (*FPA*) ditubuhkan seawal tahun 1999 oleh sekumpulan individu yang mengikuti program *Chartered Financial Consultants* atau *ChFC* dari Kolej Amerika (*American College*). Dahulu ia dikenali sebagai Persatuan Perunding Kewangan Bertauliah Malaysia atau (*Malaysian Association of Chartered Financial Consultants/MACHFC*). Pada tahun 2009, kumpulan tersebut merasakan keperluan untuk menjenamakan semula persatuan dengan nama baharu yang lebih sesuai bagi menggambarkan persatuan yang mengutamakan perkhidmatan kewangan berdasarkan yuran di Malaysia. Nama baharu yang dicadangkan ialah Persatuan Perancang Kewangan dan Penasihatannya Malaysia (*FPA*). Program *ChFC* adalah berdasarkan program *Chartered Financial Consultant* yang ditawarkan oleh *the American College of Financial Services* yang kini tidak ditawarkan lagi di Malaysia. Persatuan Perancang Kewangan dan Penasihatannya Malaysia juga turut mempunyai hubungan akademik yang baik dengan *NAPFA* di Amerika Syarikat.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau biasanya dikenali sebagai AKPK ialah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh BNM pada bulan April 2006 untuk membantu individu menguasai situasi kewangan mereka dan mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit secara bijak. AKPK ditubuhkan sebagai sebahagian daripada Pelan Induk Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia, iaitu pelan 10 tahun yang bertujuan memajukan dan merangsang sektor kewangan negara.

AKPK mengambil ilham daripada penubuhan badan kaunseling dan pengurusan hutang yang diamalkan di Amerika Sarikat, khususnya dalam aspek pengurusan hutang pengguna dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah percuma. Namun, pendekatan AKPK berbeza dari aspek berikut:

- i. Pencegahan (*preventing*) melalui siri pendidikan kewangan melalui kursus dan seminar kepada ahli masyarakat tentang kepentingan mengurus kewangan peribadi.
- ii. Penasihatannya (*advising*) melalui siri kaunseling kewangan melalui usaha membimbing dan menasihati pengguna yang menghadapi masalah.
- iii. Pengawasan (*controlling*) melalui penglibatan ahli masyarakat yang bermasalah dalam Program Pengurusan Kredit (DMP).

AKPK diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling dan nasihat kewangan, pengurusan kredit dan pendidikan kewangan bagi menolong rakyat Malaysia menguasai cara pengurusan kewangan masing-masing. Misi AKPK adalah untuk mempromosikan kesihatan kewangan melalui individu yang berpengetahuan kewangan, dan melalui kaunseling kredit serta program pengurusan kredit.

Berbeza dengan agensi kewangan lain, AKPK berperanan sebagai agensi yang mengurus aktiviti aktiviti prakemuflihan. Aspek berkaitan kemuflihan tidak diuruskan oleh AKPK tetapi diuruskan oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM). Ketika ini, individu yang telah diistiharkan muflis perlu berurusan dengan pihak JIM. Tahap pengetahuan yang rendah dan kurang tanggungjawab oleh individu yang diistiharkan muflis telah menyukarkan pihak JIM untuk mempertimbangkan langkah seterusnya, seperti menolong menyahkan status kebangkrutan mereka. Menurut JIM, sehingga tahun 2009 terdapat lebih 100,000 individu bankrap menghadapi risiko kekal bankrap kerana gagal hadir untuk mengurus kes mereka dengan JIM. Mereka ialah 107,205 daripada 214,410 keseluruhan kes bankrap dan mereka ini gagal dikesan kerana tidak melaporkan diri untuk pengurusan kes bankrap mereka.

Di Malaysia, individu muflis diberikan peluang lebih luas untuk membebaskan diri mereka daripada status bankrap berdasarkan Rang Undang-undang Kebankrapan 1967, (Pindaan) 1998. Rang undang-undang baharu yang dipinda ini memberikan kuasa budi bicara kepada Pegawai Pemegang Harta untuk membenarkan beberapa kategori bankrap yang boleh dilepaskan dan memberi "peluang kedua" kepada individu bankrap untuk terlibat secara aktif dalam perniagaan. Terdapat juga kategori lain yang layak mendapatkan penangguhan hukuman di bawah Akta yang dipinda. Mereka ialah penjamin pinjaman, individu yang menderita akibat kegawatan kewangan, individu bankrap yang sakit, tua dan manganggur.

Undang-undang Berkaitan Penguatkuasaan Aktiviti Perancang Kewangan di Malaysia

Dinamisme pergerakan dalam sektor kewangan yang sentiasa berubah-ubah dan keperluan memenuhi permintaan pengguna yang semakin canggih memerlukan standard perkhidmatan kewangan yang lebih tinggi. Sebagai respons terhadap perubahan produk kewangan yang semakin kompleks, Pelan Induk Sektor Kewangan menyarankan khidmat pengantara profesional, seperti penasihat kewangan boleh membantu warganegara Malaysia mendapat nasihat profesional tentang pilihan produk dan perkhidmatan kewangan dengan lebih luas. Penasihat kewangan akan memainkan peranan penting dalam menyediakan khidmat nasihat kewangan yang holistik kepada

pengguna, termasuk perlindungan insurans, simpanan untuk pendidikan, perancangan persaraan dan pelaburan untuk masa hadapan.

Atas tujuan itu, Malaysia ialah negara pertama di dunia yang memperkenalkan rang undang-undang yang memerlukan seseorang untuk mendapatkan lesen sebelum dibenarkan bergiat aktif menjadi perancang kewangan di Malaysia. Perancang kewangan dianggap sebagai profesion baharu di rantau Asia berbanding dengan Barat, seperti di Amerika Syarikat dan Australia yang profesion ini lebih mantap.

Dengan penggubalan Akta Insurans (Pindaan) 2005 dan Peraturan-Peraturan Insurans (Pindaan) 2005 baru-baru ini, BNM ingin mengumumkan bahawa rangka kerja pengawalseliaan telah sedia ada bagi pelesenan penasihat kewangan. Suruhanjaya Sekuriti juga telah memperkenalkan undang-undang melalui pindaan yang dibuat kepada Akta Perindustrian Sekuriti tahun 2003 untuk mengawal selia aktiviti perancangan kewangan dan penggunaan tajuk atau berkaitan gelaran perancang kewangan atau untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perancangan kewangan.

Pada tahun 2005, pindaan kepada Akta Insurans Malaysia juga mensyaratkan seseorang yang ingin menjalankan perniagaan penasihat kewangan (termasuk aktiviti perancangan kewangan yang berkaitan dengan insurans) dan/atau menggunakan gelaran penasihat kewangan di bawah firma mereka perlu mendapatkan lesen daripada BNM. Sehingga Julai 2010, terdapat hanya lapan syarikat yang telah diluluskan di bawah lesen penasihat kewangan (*FA*) dengan 43 individu dalam syarikat-syarikat ini.

Pada tahun 2007, kerajaan Malaysia sekali lagi memperkenalkan Akta Perkhidmatan Pasaran Modal (*CMSA*) sebagai satu lagi usaha untuk menyatukan aktiviti industri ke arah persekitaran satu rejim pengawalseliaan. Sebelum itu, pada bulan September 2006, kelayakan *CFP* telah dimasukkan sebagai salah satu kelayakan yang boleh digunakan oleh memohon lesen penasihat kewangan.

Dengan perkembangan ini, permintaan untuk kursus perancangan kewangan telah mula bercambah. Selain itu, pemohon lesen juga mestilah menjadi ahli berdaftar kepada organisasi kawal selia sendiri (*Self-regulatory Organisation/SRO*) dalam perancangan kewangan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa. Bagi tujuan ini, kedua-dua *SRO* yang kini diiktiraf oleh kedua-dua Suruhanjaya Sekuriti dan BNM ialah Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (*MFPC*) dan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (*FPAM*).

Sehingga Mac 2011, terdapat kira-kira 35 syarikat dan 10 individu yang berlesen di bawah lesen perkhidmatan pasaran modal (*CMSL*) untuk

perancangan kewangan, manakala dianggarkan bahawa terdapat kira-kira 250 individu di bawah syarikat-syarikat *CMSL* yang berlesen.

Penasihat kewangan akan dilesenkan di bawah Akta Insurans kerana ia merupakan satu kategori pengantara yang baharu. Selain produk insurans, penasihat kewangan mungkin memberikan khidmat nasihat dan memasarkan produk kewangan lain yang tertakluk pada kebenaran awal daripada pihak berkuasa berkenaan, iaitu:

- i. Definisi aktiviti penasihat kewangan merangkumi analisis keperluan perancangan kewangan seseorang individu berkaitan dengan produk insurans, mencadangkan produk insurans yang sesuai, mendapatkan produk insurans daripada penanggung insurans atau mengatur kontrak berkaitan dengan produk insurans;
- ii. Penasihat kewangan mestilah sebuah badan korporat dengan modal berbayar minimum yang tidak akan terjejas oleh kerugian sebanyak RM100,000 dan pemilik majoritinya ialah warganegara Malaysia;
- iii. Penasihat kewangan perlu sekurang-kurangnya mempunyai perlindungan insurans indemniti profesional minimum sebanyak RM200,000 bagi memberikan perlindungan kepada pengguna dalam hal kealpaan profesional;
- iv. Lesen penasihat kewangan akan diperbaharui setiap tahunan tertakluk kepada pematuhan kepada keperluan pelesenan;
- v. Penasihat kewangan juga akan tertakluk kepada keperluan am yang lain yang dikenakan atas empunya lesen di bawah Akta Insurans, seperti perubahan dalam entiti pemegang saham, kelulusan terhadap pelantikan ketua pengarah eksekutif dan pengarah, pembukaan cawangan dan penyerahan borang akaun tahunan;
- vi. Wakil penasihat kewangan yang akan terlibat dalam memberikan khidmat nasihat mesti diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan memiliki kelayakan profesional minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Ini bagi memastikan yang mereka mempunyai tahap kompetensi yang sesuai untuk memberikan khidmat nasihat kepada pengguna; dan
- vii. Penggunaan istilah "penasihat kewangan" adalah terhad kepada pemegang lesen penasihat kewangan dan entiti yang dikecualikan di bawah Akta Insurans. Pengehadan penggunaan istilah "penasihat kewangan" akan memberikan pengguna keyakinan yang nasihat kewangan adalah daripada sebuah entiti yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kesimpulan

Perbincangan berkaitan perkembangan perancangan kewangan Malaysia dalam penulisan ini terhad kepada perancangan kewangan konvensional. Malaysia adalah antara negara terawal yang memberi respon positif kepada aktiviti perancangan kewangan yang dipelopori oleh pergerakan *CFP* dari Amerika Syarikat sehingga tertubuhnya *FPAM*. Kesan daripada aktiviti tersebut, perkembangan berkaitan perancangan kewangan menjadi semakin pesat dengan kemunculan pelbagai gerakan perancangan kewangan yang lain, seperti *MFPC* dan organisasi lain seperti *AKPK*. Malah, Malaysia juga menjadi negara terawal yang mengeluarkan garis panduan perundangan bagi mengawal aktiviti perancangan kewangan di dunia. Namun, penghasilan satu perundangan bersepadu untuk mengawal aktiviti perancangan kewangan tidak dapat dilaksanakan kerana kedudukan asal perkembangan industri kewangan di Malaysia telah memisahkan aktiviti dua institusi utama, iaitu *BNM* dan *Suruhanjaya Sekuriti*. Namun begitu, hal ini tidak menghalang kewujudan pelbagai institusi sokongan perbankan dan pelaburan, seperti *Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)*. Sesungguhnya, perkembangan perancangan kewangan Islam di Malaysia khususnya mendapat sokongan yang cukup besar daripada pihak kerajaan. Malah, perkembangan aktiviti perancangan kewangan Islam senantiasa dikawal selia oleh pihak kerajaan melalui pelbagai dasar kewangan, seperti *Pelan Induk Pasaran Modal* oleh *Suruhanjaya Sekuriti* dan *Pelan Tindakan Sektor Kewangan* oleh *BNM*.

Rujukan

Adam Job Almanac. (2001). *Adams Media Corporation*.

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan. (2007). *Suruhanjaya Sekuriti*.

Andrew, B. R. (1935). *Economics of the Household: Its Administration and Financing* (2nd ed.). New York: Macmillan Co., dalam Glenn Muske & Mary Winter (2008), *Personal Financial Management Education: An Alternative Paradigm. Financial Counseling and Planning*, 15(2), 79-88.

Andrews, B.R. (1935). *Economic of the Household: Its Administration and Finance*. New York: Macmillan Company.

Benjamin, M.T. & Fannie L.B. (1976). *Personal Finance for Consumers*, New Jersey: General Learning Press.

Brandon, D.H.Jr. & Oliver, W.H. (2009). *The History of Financial Planning: The Transformation of Financial Services*. NJ: Wiley, Hoboken.

Brown, V. (2006). Personal Finance: Setting the Context, dalam George Callaghan *et al.* (eds.). *Personal Finance*. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.

David A.W. & Glenn L.W. (1972). *Personal Financial Management*. New York: Houghton Mifflin Co.

Davies, D. (1795). The Case of Laborers in Husbandry Stated and Considered. London: Palgrave MacMillan, dalam Mohamed Abdel-Ghany (2001), The evolution of research in consumer science: a 200-year perspective. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 30(2), 223-239.

Deacon, R.E. & Firebaugh, F.M. (1981). *Family Resource Management: Principles and Applications*. Nurizan Yahaya dan Mumtazah Othman (terj.), Minnesota: Allyn And Bacon, h. 60-87.

Edward T.B. (1975). *Consumer Finance*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.

Geisteld, L.V. (2005). Consumer Economics and Family Economics: The Charge, The Response. *Journal of Consumer Affairs*, 39.

Godwin, D.D. (1999). Predictors of households' debt repayment difficulties. *Financial Counseling and Planning*, 10(1), 1999.

Gourgues, H.W. & Homrich, D.E. (1988). *Total Financial Planning: A Guide For Financial Advisers and Serious Investors*. New York: New York Institute of Finance.

Gross, I.H., Crandall, E.W., & Knoll, M.M. (1980). *Management for Modern Families*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

Guidelines on Application for Financial Adviser's Licence under the Insurance Act 1996: Revised Date - 18 September 2007. Sumber: http://www.bnm.gov.my/files/doc/revised/FAs-Licensing%20Guidelines_Revised.pdf. Diakses pada 18hb Jun 2014.

Hanson, A.W. & Cohen, J.B. (1954). *Personal Finance*. Hamewood, IL: Irwin.

Helen, M.T. & Melinda, H. (1968). *Your Family and Its Money*. New York: Houghton Mifflin Co.

Hoyt, E.E. (1928). *The Consumption of Wealth*. New York: Macmillan Company.

<http://fpamalaysia.org/>. Diakses pada 3 Mac 2012.

<http://www.akpk.org.my/my/tentang-kami#fokus>. Diakses pada 6 Mac 2012.

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=69&ac=1119&lang=bm&print=1>.

<http://www.fpam.org.my/fpam/about/background/>.

<http://www.kwsp.gov.my/portal/about-epf/overview-of-the-epf>.

<http://www.mfpc.org.my/education/registered-financial-planner>. Diakses pada 3 Mac 2012.

<http://www.perkeso.gov.my/ms/mengenai-perkeso/profil.html>. Diakses pada 18hb Jun 2014.

http://www.pnb.com.my/about/about_us.cfm?cat=1&subcat=1. Diakses pada 18 Jun 2014.

<http://www.sc.com.my/main.asp?pageid=509&linkid=1414&yearno=2004&mod=pa> per. Sumber diakses pada 3 Mac 2012.

http://www.tainvest.com.my/about_us-company-info.html. Diakses pada 18hb Jun 2014.

Kinley, D. (1911). Aspects of Economics of Importance in Household Science, dalam Margaret, I. L., dan Gordon, E. B. (1993). *History of Family Economics Research, 1862-1962: A Bibliographical, Historical, and Analytic Reference Book*. Iowa: Iowa state University.

Kyrk, H. (1933). *Economics Problem of Family*. New York: Harper and Brothers.

Kyrk, H. (1953). *The Family of American Economy*. Chicago: University Of Chicago Press.

Le Play, F. (1878). *Ouvriers Europeens*. 2nd ed., 6 vol., Paris: Imprimeries Imperiales., dalam Mohamed Abdel-Ghany (2001). The Evolution of Research in Consumer Science: A 200-Year Perspective. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 30(2), 223-239.

Licensing Handbook: Security Commission. (2015). Sumber: <http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/cmsa/Licensinghandbook.pdf>

Margaret, I.L. & Gordon, E.B. (1993). *History of Family Economics Research, 1862-1962: A Bibliographical, Historical, and Analytic Reference Book*. Iowa: Iowa state University.

Pelan Induk Pasaran Modal. http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/cmp2/cmp2_final.pdf. Diakses pada 12 Ogos 2104.

Pelan Tindakan Sektor Kewangan http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsbp/en/BNM_FSBP_FULL_en.pdf. Diakses pada 12 Ogos 2104.

Reid, M.G. (1934). *Economic of Household Production*. New York: J. Wiley & Sons, Inc.

Reynolds, L.M. & Abdel-Ghany, M. (2001). Consumer sciences research: a two-decade comparison, 1980s and 1990s. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 29, 382-440.

Ritchey, S.J. (1978). Home Economics Research Assessment, Planning and Projections. Blackburg, VA: Virginia Polytechnic Institute and State University Press, dalam Mohamed Abdel-Ghany (2001), The evolution of research in consumer science: A 200-year perspective. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 30(2), 223-239.

Schuchardt, J., Dorothy, C.B., & William, C.B. (2007). Personal finance: an interdisciplinary profession. *Financial Counseling and Planning*, 18(1), 61-69.

Schultz, T.W. (ed.). (1974). *Economics of the Family: Marriage, Children, and Human Capital*. Chicago: University of Chicago Press

Schultz, T.W. (1972). *Human Capital: Policy Issues and Research Opportunities, in Economic Research: Retrospect and Prospect*, Volume 6, Human Resources, The National Bureau of Economic Research.

Sheng-Yi Lee. (1990). *The Monetary and Banking Development of Singapore and Malaysia*. Edisi ke-3. Singapore: Singapore University Press.

Stillman, R.J. (1972). *Guide to Personal Finance: A Lifetime Program of Money Management*. New Jersey: Prentice-Hall.

Tan, C.H. (2005). *Financial Markets and Institutions in Singapore*. 11th Ed., Singapore: Singapore University Press.

Texas Tech University: A New Home for Financial Planning Archives. Depts.ttu.edu. 2010-04-08. (diakses pada 6hb Jun 2010).

The Edge Malaysia, 4 Mac 2010, MIDF Amanah acquires Asia Unit Trust. Diakses 18hb Jun 2014.

Zimmerman, C.C. & Frampton, M.E. (1935). *Family and Society: A Study of The Sociology of Reconstruction*. New York: Van Nostrand Rienhold, dalam Mohamed Abdel-Ghany (2001), The evolution of research in consumer science: a 200-year perspective. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 30(2), 223-239.